

800 jemaah terkandas, 10,000 tangguh umrah

Arab Saudi gantung sementara visa ke Tanah Suci bekang wabak

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin dan Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sekurang-kurangnya 800 jemaah dari Malaysia terkandas di Jeddah dan Madinah, Arab Saudi berikutan arahan larangan kemasukan penerbangan dari Malaysia bagi membawa mereka pulang.

Seorang jemaah yang berada di Madinah, Azmir Mohamad, 28, berkata, sepatutnya penerbangan pulang jemaah ke tanah air melalui penerbangan jam 10 malam kelmarin dan dijangka tiba di

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) jam 12.55 tengah hari semalam tetapi dibatalkan.

"Tiada makluman rasmi dikeluarkan pihak syarikat penerbangan dan ada antara kami terpaksa mendapatkan maklumat daripada sumber lain termasuk kakitangan penerbangan syarikat penerbangan berkenaan yang dikenali jemaah.

"Ini sesuatu yang amat dikesali kerana pihak syarikat penerbangan sepatutnya menggunakan media sosial yang lebih pantas untuk membuat makluman mengenai pembatalan penerbangan," katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Seorang lagi jemaah yang hanya mahu dikenali sebagai Mohamad Lutfi, berkata keadaan mereka terkandas itu diburukkan lagi dengan kelemahan agensi yang tidak berkomunikasi secara baik dengan jemaah.

"Keadaan tidak teratur dan ti-

dak ada sistem. Komunikasi yang mudah pun mereka gagal tangani hingga kami terpinga-pinga kerana tidak diberi makluman mengenai status penerbangan.

"Kami dihantar ke hotel berdekatan dengan hotel penginapan sebelum ini tanpa sebarang maklumat mengenai status penerbangan gantian, sekali gus menyebabkan ketegangan antara jemaah dan petugas, namun berjaya dileraikan," katanya.

Semalam, Kerajaan Arab Saudi mengeluarkan arahan menggantung kemasukan jemaah umrah dan ziarah Masjid Nabawi berikutan penularan COVID-19 termasuk jemaah dari Malaysia.

Difahamkan, berikutan arahan sementara itu, penerbangan membawa pulang jemaah yang sudah berada di negara itu untuk menunaikan umrah dan menziarahi Masjid Nabawi turut terjejas.

Sementara itu di Seremban, keputusan Kerajaan Arab Saudi menggantung sementara visa pe-

lancongan ke Tanah Suci mengkang penularan wabak COVID-19 memberi kesan kepada lebih 10,000 jemaah umrah dari Malaysia.

Naib Presiden Unit Umrah dan Haji, Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembalaan Malaysia (MATTA), Mohd Azri Abd Razak, berkata jumlah itu membabitkan jemaah pelbagai agensi umrah dan haji di negara ini, dijadualkan bertolak ke Makkah untuk menunaikan umrah Mac ini.

"Sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan jemaah umrah melalui pelbagai agensi tempatan, kami terkejut dengan arahan Kerajaan Arab Saudi itu. Kami sudah memaklumkan semua agensi terbabit mengenai larangan berkenaan.

"Setakat ini, lebih 10,000 jemaah umrah dari seluruh negara yang akan ke Makkah pada Mac ini menerima kesan daripada larangan itu.

"Kami akur dengan arahan Ke-

Mohd Azri Abd Razak

rajaan Arab Saudi itu sebagai langkah mengekang COVID-19 yang boleh membawa maut dan demi kepentingan keselamatan jemaah, mereka perlu bersabar.

"Sebagai langkah jangka pendek, agensi sudah diminta membuat perundingan dengan jemaah supaya meminda tarikh lain bersesuaian tanpa membabitkan pertambahan kos menuaikan umrah," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Senawang, di sini, semalam.

Mohd Azri yang juga Timbalan Pengerusi MATTA Negeri Sembilan berkata, pihaknya berharap situasi itu tidak mengambil masa terlalu lama kerana akan menyukarkan urusan jemaah umrah terutama membabitkan visa.

"Kami harap kerajaan Arab Saudi dapat menyelesaikan masalah atau larangan ini dengan kadar segera, tambahan pula Malaysia bukan negara yang mempunyai kes COVID-19 serius atau kematian," katanya.

